




SYARIKAT JAMINAN PEMBIAYAAN PERNIAGAAN BERHAD





RUMUSAN AUDIT

“ Objektif penubuhan tercapai melalui jaminan pembiayaan perniagaan kepada PKS, kedudukan kewangan yang kukuh serta amalan tadbir urus korporat yang memuaskan ”




Aktiviti Utama

Mengurus, mentadbir dan memantau skim jaminan pembiayaan bagi pihak Kerajaan



RM50 Juta
modal berbayar



Prestasi Aktiviti

Pencapaian Output



97.4% - 100%
KPI mencapai sasaran (2019 – 2021)

Pencapaian Keberhasilan



38.2%

Sumbangan PKS kepada KDNK negara (2020)

Pengurusan Aktiviti Jaminan Pembiayaan

Kelulusan Jaminan



- **2,908 (12.4%)** permohonan lewat diproses akibat lonjakan permohonan skim semasa pandemik Covid-19

Kutipan Yuran Jaminan



- Terdapat yuran jaminan terlebih/terkurang kutip

Tuntutan Jaminan



- **69 (34.3%)** permohonan tuntutan lewat diproses semasa pandemik Covid-19

SYARIKAT JAMINAN PEMBIAYAAN PERNIAGAAN BERHAD

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) telah ditubuhkan pada 26 Mac 2009 sebagai sebuah Syarikat Tujuan Khas (SPV) milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD]. Mandat SJPP adalah untuk mengurus dan mentadbir skim jaminan Kerajaan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua yang telah diumumkan dalam Belanjawan Tahun 2009. Skim ini diperkenalkan bertujuan membolehkan syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mendapatkan akses kepada kemudahan pembiayaan daripada institusi kewangan yang terlibat.
- Prestasi dan pengurusan aktiviti utama SJPP yang dinilai adalah aktiviti jaminan pembiayaan perniagaan bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Mei 2022.
- Dua perkara yang dinilai bagi prestasi aktiviti ialah pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pencapaian output dinilai berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) manakala pencapaian keberhasilan berdasarkan sumbangan syarikat PKS kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).
- Bagi pengurusan aktiviti jaminan pembiayaan perniagaan, tiga perkara yang dinilai ialah permohonan dan kelulusan jaminan pembiayaan; kutipan hasil yuran jaminan; serta tuntutan jaminan pembiayaan.
- Penilaian terhadap lapan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Pengerusi, Lembaga Pengarah, Pegawai Utama, Setiausaha Syarikat, Pelan Perniagaan dan KPI, Prosedur Operasi Standard, Jawatankuasa Audit serta Audit Dalam dibuat bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Mei 2022.
- Analisis kedudukan kewangan dijalankan terhadap penyata kewangan beraudit tahun 2019 dan 2020 serta penyata kewangan belum beraudit tahun 2021.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- SJPP menyediakan jaminan kepada institusi kewangan untuk pembiayaan yang diluluskan kepada PKS yang layak selaras dengan dasar Kerajaan.
- Setakat bulan Mei 2022, SJPP telah diperuntukkan sejumlah RM81 bilion had pembiayaan untuk menguruskan 11 skim jaminan Kerajaan bagi PKS sejak tahun 2009. Lapan skim jaminan Kerajaan masih aktif manakala tiga skim telah ditutup. Jumlah keseluruhan

agihan dana kepada PKS melalui institusi kewangan ialah RM79.500 bilion.

- Bagi tempoh tahun 2009 hingga bulan Februari 2022, SJPP telah meluluskan sejumlah RM50.313 bilion permohonan jaminan pembiayaan oleh institusi kewangan melibatkan 69,293 akaun. Sejumlah RM42.628 bilion (84.7%) pembiayaan telah dikeluarkan kepada PKS oleh institusi kewangan berkenaan dan jumlah jaminan SJPP ialah RM31.846 bilion.
- Sejak penubuhan SJPP pada tahun 2009 hingga bulan Februari 2022, tuntutan bersih jaminan pembiayaan daripada institusi kewangan adalah berjumlah RM587.02 juta (1.4%) berbanding sejumlah RM42.628 bilion pembiayaan yang dikeluarkan kepada PKS.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, SJPP telah mencapai objektif penubuhannya melalui pencapaian output iaitu sasaran jumlah pembiayaan diluluskan dan tuntutan jaminan dibayar.
- Pencapaian keberhasilan menunjukkan impak positif skim jaminan Kerajaan melalui SJPP iaitu sumbangan syarikat PKS kepada KDNK negara pada kadar 38.9% (tahun 2019) dan 38.2% (tahun 2020).
- Peningkatan hasil kutipan yuran skim jaminan pembiayaan menyumbang kepada kedudukan kewangan syarikat yang kukuh dan membolehkan pembayaran dividen kepada MKD serta mempunyai lebihan dana untuk disalurkan bagi keperluan tuntutan jaminan.
- Pengurusan aktiviti jaminan pembiayaan daripada aspek tempoh memproses permohonan dan tuntutan mengalami kelewatan yang terkesan akibat pandemik Covid-19. Selain itu, terdapat kesilapan pengiraan yuran jaminan yang menyebabkan yuran jaminan terlebih/terkurang kutip.
- Amalan tadbir urus korporat SJPP berada pada tahap memuaskan dengan mekanisme kawalan di peringkat pengurusan syarikat Prokhas Sdn. Bhd. (Prokhas) dan pemantauan secara terus oleh MKD.

Apa yang disyorkan Audit?

- Pihak yang berkepentingan perlu memberi pertimbangan terhadap syor berikut:
 - memanfaatkan lebihan dana daripada syarikat bagi menampung keperluan tuntutan skim jaminan pada masa akan datang;
 - memastikan semakan dan pengesahan yuran jaminan yang teliti bagi mengelakkan risiko berlaku kesilapan yang boleh menyebabkan salah nyata pelaporan kedudukan kewangan SJPP; dan

- menambah baik tadbir urus korporat berkaitan kadar pembayaran elaun mesyuarat Lembaga Pengarah dan penglibatan Lembaga Pengarah dalam perancangan strategik SJPP.

MENTERI KEWANGAN (DIPERBADANKAN)

2. SYARIKAT JAMINAN PEMBIAYAAN PERNIAGAAN BERHAD

FAKTA UTAMA

26.03.2009	RM50 juta	RM587.02 juta
Tarikh diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125]	Modal berbayar setakat 31 Disember 2021	Jumlah tuntutan bersih jaminan pembiayaan sejak tahun 2009 hingga bulan Februari 2022 (RM410.09 juta telah dibayar)
RM83.41 juta	RM81 bilion	RM50.313 bilion
Keuntungan terkumpul setakat 31 Disember 2021	Jumlah peruntukan skim jaminan pembiayaan perniagaan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (2009-2022)	Jumlah permohonan pembiayaan yang diluluskan sejak tahun 2009 hingga bulan Februari 2022
Objektif penubuhan	Menyediakan jaminan kepada institusi kewangan untuk pembiayaan yang diluluskan kepada pelanggan yang layak	
Aktiviti utama	Mengurus, mentadbir dan memantau skim jaminan bagi pihak Kerajaan	
Jenis syarikat	Syarikat berhad menurut syer (Syarikat Tujuan Khas)	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) telah ditubuhkan pada 26 Mac 2009 di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] sebagai sebuah Syarikat Tujuan Khas (SPV). Cadangan penubuhan SJPP adalah susulan daripada pembentangan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua pada 10 Mac 2009 yang mencadangkan Kerajaan menyediakan dana bagi Skim Jaminan Modal Kerja dan Skim Dana Jaminan Penstrukturkan Semula Industri. Sehubungan itu, Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] telah menuju SJPP bagi tujuan tersebut. SJPP merupakan syarikat milik penuh MKD dengan modal berbayar RM50 juta.

1.2. Mandat SJPP adalah untuk mengurus dan mentadbir skim jaminan Kerajaan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua bagi membolehkan syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mendapatkan akses kemudahan pembiayaan daripada institusi kewangan yang terlibat. Melalui skim jaminan ini, Kerajaan akan menjamin dan melindungi institusi kewangan bagi pembiayaan yang diberikan kepada PKS hingga 80% daripada jumlah pembiayaan.

1.3. Objektif penubuhan SJPP berdasarkan perlembagaan syarikat ialah menyediakan jaminan kepada institusi kewangan untuk pembiayaan yang diluluskan kepada pelanggan

yang layak. Tanggungjawab SJPP antaranya ialah mengurus, mentadbir dan memantau skim jaminan bagi pihak Kerajaan; mengutip dan mengurus penggunaan yuran jaminan yang diterima daripada institusi kewangan yang mengambil bahagian; serta menerima dan memproses semua tuntutan daripada institusi kewangan.

1.4. Setakat bulan Mei 2022, SJPP telah diperuntukkan sejumlah RM81 bilion had pembiayaan untuk menguruskan 11 skim jaminan Kerajaan mengikut inisiatif belanjawan Kerajaan bagi PKS sejak penubuhannya pada tahun 2009. Lapan skim jaminan Kerajaan masih aktif manakala tiga skim telah ditutup. Jumlah keseluruhan agihan dana kepada PKS melalui institusi kewangan ialah RM79.500 bilion. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PERUNTUKAN MENGIKUT SKIM JAMINAN KERAJAAN KEPADA PKS
SETAKAT BULAN MEI 2022

TAHUN	SKIM	PERUNTUKAN (RM Bilion)	JUMLAH AGIHAN DANA (RM Bilion)	STATUS SKIM
2009	Skim Jaminan Modal Kerja	10.000	7.000	Tutup
	Skim Jaminan Pembiayaan Penstrukturkan Semula Industri		3.000	Tutup
2010	Skim Jaminan Modal Kerja Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10)	3.000	3.000	Tutup
2015	Skim Jaminan Modal Kerja 2	7.000	7.000	Aktif
2018	Skim Jaminan Modal Kerja 2	8.500	7.000	Aktif kecuali Skim Jaminan Harta Intelek (RM1.500 bilion) telah ditutup
2019	Skim Jaminan Modal Kerja 2	6.500	3.500	Aktif
	Skim Jaminan Proses Automasi		3.000	Aktif
2020	Skim Jaminan Kerajaan PRIHATIN	6.000	6.000	Aktif
2021	Skim Jaminan Modal Kerja 2	10.000	10.000	Aktif
	Skim Jaminan Kerajaan PEMULIH		20.000	Aktif
2022	Skim Jaminan Kerajaan PEMULIH (Bumiputera)	10.000	10.000	Aktif
JUMLAH		81.000	79.500	


Sumber: SJPP

1.5. Pada 4 Mei 2020, SJPP telah diberi mandat oleh Kementerian Kewangan (MOF) sebagai ejen pengurusan Skim Jaminan PRIHATIN Danajamin (SJPD) bernilai RM50 bilion. Skim ini diumumkan oleh YAB Perdana Menteri sebagai sebahagian daripada Pakej Rangsangan Ekonomi Covid-19 (PRIHATIN). SJPD adalah khusus bagi menyokong perniagaan tempatan bersaiz sederhana hingga besar untuk menerima perlindungan jaminan Kerajaan hingga 80% daripada jumlah pinjaman bagi keperluan pembiayaan modal kerja. Kerajaan telah meluluskan SJPP untuk melantik Danajamin Nasional Berhad sebagai ejen yang berperanan sebagai penasihat kewangan, penilai kredit, pemantau dan pengurus aset termasuk pemulihan bagi pihak Kerajaan dalam pengurusan SJPD.

1.6. Satu jawatankuasa dikenali sebagai Jawatankuasa Pemantauan dan Pengawasan (JKPP) ditubuhkan oleh MOF bertujuan menjadi wakil Kerajaan bagi memberi kelulusan tuntutan jaminan yang dikeluarkan oleh SJPP. JKPP juga bertanggungjawab mengurus akaun khas yang diwujudkan dengan dana kewangan yang diperuntukkan oleh Kerajaan bagi membiayai sebarang tuntutan skim jaminan SJPP. Setiausaha bagi jawatankuasa ini ialah Setiausaha Syarikat SJPP daripada syarikat Prokhas Sdn. Bhd. (Prokhas).

1.7. Lembaga Pengarah SJPP dianggotai oleh tiga Pengarah yang terdiri daripada wakil MOF serta kesemuanya berstatus bukan bebas dan bukan eksekutif. Pengurusan SJPP adalah di bawah tanggungjawab Prokhas yang juga merupakan syarikat milik penuh MKD melalui Perjanjian Pentadbiran pada 7 April 2009. Tanggungjawab Prokhas meliputi pengurusan, operasi, kewangan dan keperluan perundangan. Ketua Pegawai Eksekutif Prokhas juga bertindak sebagai Pegawai Utama SJPP dan melapor kepada Lembaga Pengarah SJPP. Beliau dibantu oleh Ketua Bahagian Pengurusan Perkhidmatan, Prokhas bagi menguruskan operasi SJPP. Pengurusan skim jaminan terdiri daripada Bahagian Pemprosesan dan Portfolio Pembiayaan; Unit Pemasaran dan Kajian; serta Bahagian Tuntutan dan Pentadbiran. Struktur pengurusan SJPP pada bulan Mei 2022 adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
STRUKTUR PENGURUSAN SJPP PADA BULAN MEI 2022



Sumber: Prosedur Operasi Standard Skim Jaminan Pembiayaan

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan SJPP melalui pengurusan aktiviti jaminan pembiayaan perniagaan kepada PKS yang cekap dan berkesan; amalan tadbir urus korporat yang baik; dan kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini melibatkan aktiviti utama SJPP iaitu menyediakan jaminan pembiayaan perniagaan kepada PKS yang layak melalui institusi kewangan yang terlibat bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Mei 2022. Aktiviti ini dipilih bagi menilai pencapaian objektif penubuhan SJPP. Dua bidang utama Audit yang dinilai ialah prestasi dan pengurusan aktiviti jaminan pembiayaan perniagaan. Penilaian prestasi aktiviti meliputi pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Perkara dinilai dalam pencapaian output ialah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) manakala pencapaian keberhasilan pula dinilai berdasarkan sumbangan syarikat PKS kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Bagi pengurusan aktiviti jaminan pembiayaan perniagaan, tiga perkara yang dinilai ialah permohonan dan kelulusan jaminan pembiayaan; kutipan hasil yuran jaminan daripada institusi kewangan; serta tuntutan jaminan pembiayaan.

3.2. Berdasarkan penilaian risiko Audit, sampel fail jaminan dipilih daripada tempoh pemprosesan permohonan jaminan dan tuntutan jaminan yang lewat diluluskan oleh SJPP. Analisis Audit dijalankan berdasarkan data dalam Electronic Guarantee Life Cycle System (eGLS) bagi tahun 2019 hingga bulan Mei 2022. Sebanyak 20 sampel permohonan jaminan dipilih untuk menentukan tempoh memproses permohonan dan kelulusan serta tuntutan jaminan oleh SJPP. Pihak Audit juga menyemak 12 sampel rekod yuran jaminan yang terlebih/terkurang kiraan untuk menentukan pematuhan dalam pengurusan hasil kutipan yuran jaminan.

3.3. Selain itu, pengauditan melibatkan lapan aspek tadbir urus korporat iaitu Pengurus, Lembaga Pengarah, Pegawai Utama, Setiausaha Syarikat, Pelan Perniagaan dan KPI, Prosedur Operasi Standard (SOP), Jawatankuasa Audit serta Audit Dalam. Analisis kedudukan kewangan dijalankan terhadap penyata kewangan beraudit tahun 2019 dan 2020 serta penyata kewangan belum beraudit tahun 2021. Pengauditan dijalankan di pejabat Prokhas yang terletak di Jalan Dungun, Kuala Lumpur.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan Prokhas serta menganalisis data berkaitan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut. Bagi kedudukan kewangan, penilaian dilaksanakan berdasarkan pernyataan kewangan SJPP yang telah diaudit oleh Tetuan Ernst & Young PLT. Penilaian ini melibatkan analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; analisis trend aset dan liabiliti; analisis nisbah kewangan; serta analisis aliran tunai.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT


Pengauditan telah dijalankan pada bulan Mac hingga Mei 2022. Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada SJPP dan MKD telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 21 Jun 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

5.1. Prestasi Aktiviti Jaminan Pembiayaan

- a. Pada 7 April 2009, Perjanjian Pengurusan telah ditandatangani antara Kerajaan Malaysia (yang diwakili oleh MOF) dengan SJPP untuk melantik SJPP sebagai pentadbir dan pengurus skim jaminan Kerajaan. Pada tarikh yang sama juga, Perjanjian Pentadbiran ditandatangani antara SJPP dengan Prokhas bertujuan melantik Prokhas untuk melaksanakan peranan pengurusan bagi pihak SJPP.
- b. Pada 7 April 2009 juga, SJPP telah memeterai Perjanjian Induk bersama 44 institusi kewangan (di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia) untuk menyediakan dan menguruskan skim jaminan berkenaan yang mengikat kedua-dua pihak. Kerajaan yang diwakili oleh Menteri Kewangan II mengemukakan surat jaminan kepada setiap institusi kewangan yang terlibat berdasarkan terma dan syarat Perjanjian Induk.
- c. Institusi kewangan yang terlibat akan menilai permohonan pembiayaan daripada PKS dan menyerahkan permohonan skim jaminan pembiayaan kepada SJPP sekiranya PKS tidak mempunyai cagaran yang mencukupi. SJPP akan menjalankan proses penilaian bagi tujuan kelulusan skim jaminan Kerajaan dan seterusnya memaklumkan kepada institusi kewangan. Yuran jaminan akan dikenakan bagi setiap jaminan yang diluluskan pada kadar 0.5% hingga 1% setahun bergantung kepada jenis skim.

d. Keahlian JKPP terdiri daripada wakil yang dilantik oleh MOF bertanggungjawab mentadbir penggunaan dana yang disalurkan dan meluluskan tuntutan yang dibuat oleh institusi kewangan apabila berlaku kegagalan pembayaran balik oleh PKS. Model pengurusan operasi SJPP diringkaskan adalah seperti dalam **Carta 2**.

CARTA 2 MODEL PENGURUSAN OPERASI SJPP



Sumber: SJPP

5.1.1. Pencapaian Output

Pencapaian output SJPP diukur berdasarkan KPI yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan pengurusan SJPP yang disediakan oleh Prokhas. Prokhas yang berperanan menguruskan operasi bagi SJPP mengukur pencapaian aktiviti skim jaminan pembiayaan perniagaan yang dilaksanakan melalui Bahagian Pengurusan Skim Jaminan, Prokhas. Penjelasan pencapaian KPI adalah seperti dalam perenggan berikut:

a. Penetapan Petunjuk Prestasi Utama oleh Lembaga Pengarah

- Lembaga Pengarah telah meluluskan penetapan KPI SJPP berdasarkan jumlah pembiayaan diluluskan dan tuntutan jaminan dibayar. Pencapaian KPI ini dilaporkan dan dibincangkan di peringkat Lembaga Pengarah. Pencapaian KPI SJPP bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KPI SJPP BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

TAHUN/ KPI	JUMLAH PEMBIAYAAN DILULUSKAN (RM Bilion)			TUNTUTAN JAMINAN DIBAYAR (TIDAK MELEBIHI 5% DARIPADA JUMLAH PEMBIAYAAN DIKELUARKAN) (%)		
	SASARAN	SEBENAR	PENCAPAIAN (%)	SASARAN	SEBENAR	PENCAPAIAN
2019	4.500	5.780	128.4	5	1.68	Mencapai Sasaran
2020	6.000	16.350	272.5	5	0.42	
2021	10.000	9.058	90.6	5	0.96	

Sumber: Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah SJPP Tahun 2020, 2021 dan 2022

- ii. Semakan Audit mendapati **SJPP telah mencapai sasaran KPI jumlah pembiayaan yang diluluskan bagi tahun 2019 dan 2020 kecuali tahun 2021**. Menurut penjelasan SJPP, sasaran yang tidak dicapai pada tahun 2021 disebabkan institusi kewangan mengambil pendekatan berhati-hati dalam meluluskan pembiayaan kepada pelanggan kesan daripada pandemik Covid-19. Selain itu, kebanyakan institusi kewangan memberi tumpuan kepada penstrukturkan semula dan pemantauan pinjaman sedia ada. Namun begitu, KPI tuntutan jaminan dibayar telah dapat dicapai oleh SJPP bagi tempoh tiga tahun berkenaan.
- iii. Selanjutnya, pihak Audit menjalankan semakan bagi mengesahkan skim jaminan pembiayaan perniagaan diluluskan kepada golongan sasaran iaitu PKS. Berdasarkan terma skim yang diluluskan oleh MOF, skim jaminan Kerajaan ditawarkan kepada PKS kecuali Skim Jaminan Kerajaan PEMULIH dan Skim Rehabilitasi Sewa Beli Bas dan Teksi yang turut ditawarkan kepada syarikat bersaiz sederhana.
- iv. Analisis Audit dijalankan terhadap data syarikat yang diluluskan jaminan bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Mei 2022 untuk menentukan status kelulusan jaminan kepada golongan sasaran iaitu PKS. Analisis Audit mendapati 992 syarikat yang menerima jaminan berjumlah RM650.81 juta adalah berstatus bukan PKS dalam eGLS walaupun terma skim menyatakan sasaran adalah kepada pelanggan PKS. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
SYARIKAT BUKAN PKS YANG DITAWARKAN SKIM JAMINAN

BIL.	JENIS SKIM	BILANGAN SYARIKAT	JUMLAH NILAI JAMINAN (RM Juta)
1.	Skim Jaminan Modal Kerja (SJMK)	216	245.59
2.	Skim Special Relief Facility (SRF)	413	191.45
3.	Skim Jaminan Kerajaan PRIHATIN (GGSP)	164	113.89
4.	Skim Agrofood Facility (AF)	19	21.27
5.	Skim SME Automation and Digitalisation Facility (ADF)	10	15.80
6.	Skim Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar SME (TRRFSME)	50	15.59
7.	Skim Jaminan Modal Kerja Bumiputera (SJMK-BUMI)	9	11.06
8.	Skim Jaminan Automasi dan Digital (SJAD)	6	7.89
9.	Skim Jaminan Modal Kerja Bumiputera 2 (SJMK-BUMI2)	11	7.10
10.	Skim Jaminan Modal Kerja - Lanjutan (SJMK-L)	6	5.64
11.	Skim Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar Mikro (TRRFMIC)	81	4.97
12.	Skim Jaminan Sektor Perkhidmatan (SJSP)	3	4.71
13.	Skim Jaminan Proses Automasi (SJPA)	2	3.84
14.	Skim Jaminan Modal Kerja-Wanita (SJMK-W)	1	1.77
15.	Skim Kemudahan Pembiayaan Pelancongan PENJANA SME (PPPSME)	1	0.24
JUMLAH		992	650.81

Sumber: Data Customer Information Form daripada eGLS dan Terma Skim

- v. Semakan selanjutnya dijalankan terhadap sampel 50 syarikat berkenaan untuk pengesahan syarikat berstatus PKS dengan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia). Hasil pengesahan mendapati tiga (6%) berstatus PKS, satu (2%) syarikat bukan PKS, dua (4%) syarikat dalam permohonan status manakala 44 (88%) syarikat tiada rekod permohonan dengan SME Corp. Malaysia. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENGESAHAN STATUS SYARIKAT PKS

STATUS SYARIKAT	BILANGAN SYARIKAT	JENIS SKIM JAMINAN DITAWARKAN	JUMLAH NILAI JAMINAN (RM Juta)
PKS	3	SJMK	7.00
		SJSP	3.50
		SJMK	2.10
Bukan PKS	1	SJMK	4.20
Syarikat dalam proses permohonan status	2	GGSP	4.24
		ADF	2.40
		SJMK-BUMI	2.10
Tiada rekod permohonan dengan SME Corp. Malaysia	44	SJMK	4.20
JUMLAH		50	29.74

Sumber: Pengesahan Status PKS dengan SME Corp. Malaysia

- vi. SJPP tidak menetapkan kriteria permohonan jaminan pembiayaan untuk PKS berdaftar dengan SME Corp. Malaysia. SJPP menjelaskan status PKS syarikat ditentukan oleh institusi kewangan mengikut Garis Panduan bagi Definisi PKS yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia. Definisi PKS ialah berdasarkan kriteria jumlah jualan tahunan, bilangan pekerja, jenis pertubuhan dan struktur pemegang saham. Pihak SME Corp. Malaysia juga tidak menetapkan keperluan untuk syarikat mendaftarkan status PKS dengan agensinya. Sehubungan itu, status PKS semasa permohonan jaminan Kerajaan bergantung kepada penilaian oleh institusi kewangan berkenaan.

Maklum balas SJPP yang diterima pada 17 dan 21 Jun 2022

Pihak institusi kewangan perlu menilai permohonan yang diterima dan sewajarnya tidak mengemukakan permohonan jaminan tersebut kepada SJPP untuk kelulusan jika tidak menepati kriteria PKS seperti definisi SME Corp. Malaysia. Kegagalan institusi kewangan mematuhi kriteria tersebut akan memberikan risiko penolakan tuntutan ke atas jaminan tersebut oleh SJPP kelak.

Berdasarkan semakan terhadap 992 syarikat berkenaan, diakui terdapat kesilapan memasukkan data dalam eGLS oleh pihak SJPP dan institusi kewangan semasa memproses kelulusan. Bagaimanapun, semakan SJPP mengesahkan 100% permohonan yang diproses tersebut merupakan syarikat berstatus PKS berdasarkan definisi PKS yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia. Penambahbaikan eGLS akan dibuat bagi mengelakkan kesilapan kemasukan data pada masa hadapan.

Pendapat Audit | Pengesahan status syarikat PKS melalui agensi yang bertanggungjawab iaitu SME Corp. Malaysia dapat membantu semak imbang sewajarnya.

b. Penetapan Petunjuk Prestasi Utama oleh Pengurusan SJPP

- i. Sasaran KPI pengurusan SJPP merangkumi lima perspektif iaitu Kewangan; Pelanggan; Proses dalam Organisasi; Pembangunan dan Pembelajaran; serta Kepuasan Kakitangan. Perspektif Kewangan merupakan perspektif utama dengan wajaran 60% dan diikuti oleh perspektif Pelanggan. Bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, SJPP telah mencapai KPI antara 97.4% hingga 100%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
KPI PENGURUSAN SJPP BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

PERSPEKTIF KPI	TAHUN 2019			TAHUN 2020			TAHUN 2021		
	SS (%)	SB (%)	P (%)	SS (%)	SB (%)	P (%)	SS (%)	SB (%)	P (%)
Kewangan	60	60	100	60	60	100	60	58.1	97
Pelanggan	20	20	100	15	15	100	15	15	100
Proses dalam Organisasi	10	9.9	99	10	10	100	10	9.3	93
Pembangunan dan Pembelajaran	5	5	100	10	10	100	10	10	100
Kepuasan Kakitangan	5	5	100	5	5	100	5	5	100
PENCAPAIAN	100	99.9	99.9	100	100	100	100	97.4	97.4

Sumber: Bahagian Pengurusan Skim Jaminan, Prokhas

Nota: SS - Sasaran SB - Sebenar P - Peratus Pencapaian

- ii. Semakan Audit selanjutnya terhadap perincian pencapaian KPI berkaitan aktiviti jaminan dalam perspektif Kewangan, Pelanggan serta Proses dalam Organisasi mendapati bagi tempoh tiga tahun, 10 daripada 12 indikator telah mencapai sasaran yang ditetapkan. **Dua sasaran yang tidak dicapai ialah jumlah pembiayaan diluluskan (tahun 2021) dan pemantauan terhadap akaun SJPP yang berstatus tidak berbayar (tahun 2020 dan 2021).** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6.**

JADUAL 6
PENCAPAIAN KPI PENGURUSAN SJPP MENGIKUT INDIKATOR
BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021

BIL.	INDIKATOR	TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN	PENCAPAIAN (%)
PERSPEKTIF: KEWANGAN					
1.	Jumlah pembiayaan diluluskan untuk semua skim jaminan sedia ada secara tahunan	2019	RM4.500 bilion	RM5.780 bilion	128.4
		2020	RM6 bilion	RM16.350 bilion	272.5
		2021	RM10 bilion	RM9.058 bilion	90.6
2.	Jumlah bayaran tuntutan tidak melebihi kadar pembiayaan tak berbayar 5% daripada jumlah pembiayaan dikeluarkan	2019	RM150 juta	RM25.74 juta	Mencapai Sasaran
		2020	RM275 juta	RM40.48 juta	
		2021	5%	0.96%	
3.	Sumbangan kepada pendapatan Prokhas melalui yuran jaminan SJPP	2019	TB	TB	TB
		2020	TB	TB	TB
		2021	RM75.90 juta	RM115.30 juta	151.9
PERSPEKTIF: PELANGGAN					
4.	Pematuhan Piagam Masa (Hari)	2019	10	7	Mencapai Sasaran
	• Tempoh proses permohonan dan kelulusan jaminan pembiayaan				
4.	Pematuhan Piagam Masa (Hari)	2020	7	6	Mencapai Sasaran
	• Tempoh proses permohonan				
4.	• Tempoh proses kemuka dan memperbaharui jaminan				

BIL.	INDIKATOR	TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN	PENCAPAIAN (%)														
	<ul style="list-style-type: none"> Tempoh proses tuntutan (sebelum kelulusan Jawatankuasa Skim Jaminan dan JKPP) 		14	12															
	<ul style="list-style-type: none"> Pematuhan Piagam Masa (Hari) <ul style="list-style-type: none"> Tempoh proses permohonan Tempoh proses kemuka dan memperbaharui jaminan Tempoh proses tuntutan (sebelum kelulusan Jawatankuasa Skim Jaminan dan JKPP) Tempoh semakan kelayakan untuk pelanggan SJPD Tempoh maklumkan Kerajaan mengenai tuntutan SJPD mengikut Perjanjian Induk (dari tarikh penerimaan pengesahan Danajamin Nasional Berhad) 	2021	<table> <tr> <td>6</td><td>2</td><td>Mencapai Sasaran</td></tr> <tr> <td>6</td><td>4</td><td></td></tr> <tr> <td>14</td><td>7</td><td></td></tr> <tr> <td>5</td><td>3</td><td></td></tr> <tr> <td>90</td><td>*</td><td></td></tr> </table>	6	2	Mencapai Sasaran	6	4		14	7		5	3		90	*		
6	2	Mencapai Sasaran																	
6	4																		
14	7																		
5	3																		
90	*																		
5.	Jangkauan penyertaan dengan PKS (sesi)	2019	4	6	150														
		2020	8	15	187.5														
		2021	8	21	262.5														
6.	Memperbaharui/mereka bentuk semula bahan untuk meningkatkan jenama SJPP	2019	2	6	300														
		2020	TB	TB	TB														
		2021	TB	TB	TB														
7.	Program baharu/eksklusif untuk meningkatkan jenama SJPP	2019	4	6	150														
		2020	TB	TB	TB														
		2021	TB	TB	TB														
8.	Penglibatan dengan institusi kewangan	2019	TB	TB	TB														
		2020	6	23	383.3														
		2021	8	37	462.5														
PERSPEKTIF: PROSES DALAM ORGANISASI																			
9.	Pastikan aliran kerja, proses dan eGLS dikemas kini apabila perlu (%)	2019	80	90	112.5														
		2020	80	90	112.5														
		2021	80	90	112.5														
10.	Memastikan piagam masa dipenuhi (%)	2019	90	93.7	104.1														
		2020	TB	TB	TB														
		2021	90	94	104.4														
11.	Kemas kini SOP mengambil kira skim baharu dan proses (tempoh)	2019	TB	TB	TB														
		2020	30 Jun	30 April	Mencapai Sasaran														
		2021	TB	TB	TB														
12.	Meningkatkan pemantauan terhadap akaun berstatus tak berbayar dengan mengadakan lawatan tapak/perbincangan dengan pelanggan dan institusi kewangan	2019	TB	TB	TB														
		2020	12	-	0**														
		2021	12	8	66.7														

Sumber: Bahagian Pengurusan Skim Jaminan, Prokhas

Nota: (*) - Tiada tuntutan diterima

(**) - Lawatan tidak dapat dijalankan kerana arahan Perintah Kawalan Pergerakan

TB - Tidak Berkaitan

iii. Sasaran jumlah pembiayaan diluluskan untuk semua skim tidak dicapai pada tahun 2021 (90.6%) kerana faktor penawaran pembiayaan oleh institusi kewangan seperti yang dinyatakan dalam **Perenggan 5.1.1.a.ii.**. Sasaran pemantauan terhadap akaun SJPP yang berstatus tidak berbayar pula tidak dicapai bagi tahun 2020 dan 2021 (66.7%) berikutan kekangan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa pandemik Covid-19.

Pendapat | Secara keseluruhannya, SJPP telah mencapai KPI yang Audit | disasarkan.

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

- a. Kerajaan melalui SJPP telah menyumbang dan menyokong ke arah pertumbuhan PKS secara tidak langsung. Sejak skim jaminan Kerajaan kepada PKS diperkenalkan melalui penubuhan SJPP, skim jaminan ini telah memberi impak terhadap pertumbuhan PKS dan sumbangan kepada KDNK. Perkara ini sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-12 yang bertujuan meningkatkan sumbangan KDNK PKS terhadap ekonomi kepada 45% KDNK menjelang tahun 2025.
- b. Setakat tahun 2021, berdasarkan kemudahan jaminan pembiayaan diberi kepada PKS yang mencapai RM41.300 bilion, Kerajaan telah menerima tuntutan bersih jaminan berjumlah RM578.24 juta (1.4%). Merujuk kepada laporan Malaysian Institute of Economic Research pada tahun 2011, purata gandaan¹ bagi sektor PKS dianggar dua kali ganda. Oleh itu, jangkaan jualan dan pasaran penggunaan² ialah sejumlah RM82.400 bilion daripada RM41.300 bilion pembiayaan oleh institusi kewangan. Keadaan ini menunjukkan RM578.24 juta jumlah tuntutan bersih yang diterima daripada institusi kewangan secara berkesan telah menyumbang 143 kali ganda lebih banyak kepada jumlah perbelanjaan pengguna, pasaran buruh dan ekonomi keseluruhan.
- c. Berdasarkan Laporan Prestasi PKS tahun 2019 dan 2020 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, pihak Audit mendapati sumbangan PKS kepada KDNK bagi tahun 2019 dan 2020 ialah 38.9% dan 38.2% masing-masing iaitu penurunan sebanyak 0.7%. Keadaan ini disebabkan pengembangan status syarikat PKS kepada syarikat besar. Pengembangan ini seterusnya dapat memberi sumbangan yang lebih besar kepada KDNK negara. Butiran sumbangan PKS bagi tahun 2019 dan 2020 berbanding syarikat besar adalah seperti dalam **Jadual 7**.

¹ Average multiplier

² Market consumption

JADUAL 7
SUMBANGAN SYARIKAT PKS KEPADA KDNK

KATEGORI	BILANGAN SYARIKAT		SUMBANGAN KEPADA KDNK			
	2019	2020	2019 (RM Bilion)	2019 (%)	2020 (RM Bilion)	2020 (%)
PKS	1,181,631	1,151,339	552.300	38.9	512.800	38.2
Syarikat Besar	32,237	32,669	869.200	61.1	831.100	61.8
JUMLAH	1,213,868	1,184,008	1,421.500	100	1,343.900	100

Sumber: Laporan Prestasi PKS Tahun 2019 dan 2020, Jabatan Perangkaan Malaysia

Pendapat | Skim jaminan Kerajaan bagi pembiayaan perniagaan oleh SJPP Audit **telah memberi impak yang positif terhadap pertumbuhan PKS dan secara langsung menyumbang kepada KDNK negara.**

5.2. Pengurusan Aktiviti Jaminan Pembiayaan

Sejak ditubuhkan pada tahun 2009 hingga bulan Mei 2022, sebanyak 22 jenis skim/produk jaminan telah diuruskan oleh SJPP dengan 12 skim/prodak telah ditutup manakala 10 skim/prodak masih aktif ditawarkan kepada PKS yang layak dengan pelbagai objektif. Skim jaminan yang ditawarkan boleh didapati di institusi kewangan yang terlibat hingga tahun 2035, atau sehingga had skim telah digunakan sepenuhnya. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
SKIM/PRODUK JAMINAN PEMBIAYAAN YANG DIURUSKAN OLEH SJPP
SETAKAT BULAN MEI 2022

STATUS SKIM	NAMA SKIM/PRODUK	TAHUN MULA DITAWARKAN
Skim Telah Ditutup	1. Skim Jaminan Modal Kerja (SJMK)	2009
	2. Skim Jaminan Pembiayaan Penstrukturran Semula Industri (SJPSI)	2009
	3. 10MP Skim Jaminan Modal Kerja – Bumiputera	2010
	4. 10MP Skim Jaminan Modal Kerja – Bukan Bumiputera	2010
	5. Skim Jaminan Sektor Perkhidmatan (SJSP)	2015
	6. Skim Jaminan Modal Kerja – Lanjutan (SJMK-L)	2016
	7. Skim Jaminan Harta Intelek (SJHI)	2018
	8. Skim Jaminan PRIHATIN Danajamin (SJPD)	2020
	9. Skim Jaminan Kerajaan PRIHATIN (GGSP)	2020
	10. BNM – Skim Special Relief Facility (SRF)	2020
	11. BNM – Skim Agrofood Facility (AF)	2020
	12. BNM – Skim SME Automation and Digitalisation Facility (ADF)	2020
Skim Semasa (Aktif)	13. Skim Jaminan Modal Kerja – Start Up (SJMK-SU)	2017
	14. Skim Jaminan Modal Kerja (SJMK)	2019
Skim Baharu dan Diperbaharui (Aktif)	15. Skim Jaminan Modal Kerja – Eksport (SJMK-X)	2020
	16. Skim Jaminan Modal Kerja – Wanita (SJMK-W)	2020
	17. Skim Jaminan Modal Kerja – Bumiputera (SJMK-BUMI)	2020
	18. Skim Jaminan Automasi dan Digital (SJAD)	2020

STATUS SKIM	NAMA SKIM/PRODUK	TAHUN MULA DITAWARKAN
Skim Pakej Rangsangan Ekonomi (Aktif)	19. BNM – Skim Kemudahan Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PPP)	2020
	20. BNM – Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF)	2020
	21. Skim Rehabilitasi Sewa Beli Bas dan Teksi (SRSBBT)	2021
	22. Skim Jaminan Kerajaan PEMULIH (PGGS)	2021

Sumber: SJPP

5.2.1. Pengurusan Permohonan dan Kelulusan Jaminan Pembiayaan

- a. Kemudahan pembiayaan dan pinjaman disediakan oleh institusi kewangan yang mengambil bahagian melalui Perjanjian Induk antara SJPP dan institusi kewangan. Semua permohonan skim jaminan Kerajaan daripada syarikat PKS hendaklah dibuat melalui institusi kewangan berkenaan. Institusi kewangan akan menilai permohonan setiap skim jaminan mengikut prosedur dalaman institusi kewangan sebelum diserahkan kepada SJPP.
- b. SJPP akan meneliti permohonan yang diterima daripada pihak institusi kewangan untuk tujuan kelulusan berdasarkan kriteria iaitu kelayakan PKS; PKS memenuhi syarat skim yang diluluskan oleh Kerajaan; had pendedahan terkumpul; dan keupayaan pembayaran balik. Seterusnya, SJPP mengeluarkan Guarantee Notification Letter (GNL) kepada institusi kewangan. Selepas kelulusan SJPP, institusi kewangan perlu menjelaskan bayaran yuran jaminan sebelum sijil skim jaminan dikeluarkan.
- c. Bagi tempoh tahun 2009 hingga bulan Februari 2022, SJPP telah meluluskan sejumlah RM50.313 bilion permohonan jaminan pembiayaan oleh institusi kewangan melibatkan 69,293 akaun. Sejumlah RM42.628 bilion (84.7%) pembiayaan telah dikeluarkan kepada PKS oleh institusi kewangan berkenaan dengan jumlah jaminan sebanyak RM31.846 bilion. Butiran kelulusan pembiayaan dan jaminan bagi tahun 2009 hingga bulan Februari 2022 adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
KELULUSAN PEMBIAYAAN DAN JUMLAH JAMINAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2009 HINGGA BULAN FEBRUARI 2022

TAHUN	PEMBIAYAAN DILULUSKAN		PEMBIAYAAN DIKELUARKAN		JUMLAH JAMINAN (RM Juta)	
	BILANGAN AKAUN	JUMLAH (RM Juta)	BILANGAN AKAUN	JUMLAH (RM Juta)	DILULUS	DIKELUAR
2009	5,504	7,751.85	4,131	5,325.25	6,122.47	4,244.14
2010	94	287.70	756	1,279.45	219.83	1,000.07
2011	2,791	1,913.39	2,057	1,520.56	1,241.78	1,006.42
2012	160	168.53	328	276.95	99.97	172.21
2013	86	161.45	74	114.61	89.58	64.58
2014	29	67.50	45	90.27	36.91	49.65
2015	178	367.32	79	194.40	236.66	118.73
2016	705	1,053.91	566	838.64	737.06	584.07
2017	1,791	2,107.42	1,389	1,588.49	1,475.19	1,111.94
2018	3,401	3,729.39	2,954	3,221.73	2,600.59	2,250.26
2019	4,948	5,781.82	3,752	4,299.16	4,041.87	3,003.60
2020	29,786	16,344.42	14,056	9,627.66	12,829.48	7,411.02
2021	17,775	9,057.69	29,624	12,954.30	6,646.40	9,867.13
2022	2,045	1,520.41	2,202	1,296.81	1,161.81	962.22
JUMLAH	69,293	50,312.80	62,013	42,628.28	37,539.60	31,846.04
PERATUS (%)				84.7	88.1	84.8

Sumber: Bahagian Pengurusan Skim Jaminan, Prokhas

- d. Berdasarkan statistik permohonan bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Februari 2022, SJPP telah meluluskan 54,554 permohonan jaminan pemberian berjumlah RM32.704 bilion. Kelulusan paling tinggi direkodkan pada tahun 2020 selepas SJPP telah memperkenalkan Modul Kelulusan dan Pengaktifan Diri (SAA) kepada institusi kewangan terlibat bagi menambah baik kecekapan proses kelulusan permohonan jaminan bagi skim tertentu. Perkara ini berikutan kekangan dan limitasi operasi SJPP semasa pandemik Covid-19 yang mengehadkan masa untuk memproses permohonan skim jaminan daripada PKS yang bertambah selepas inisiatif PRIHATIN diumumkan oleh Kerajaan. Skim jaminan yang ditawarkan pada tahun 2020 melibatkan SRF, AF dan SJPD mula menggunakan kaedah SAA. Butiran permohonan jaminan Kerajaan yang diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PERMOHONAN JAMINAN KERAJAAN YANG DILULUS
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA BULAN FEBRUARI 2022

TAHUN	PERMOHONAN DILULUS OLEH SJPP		PERMOHONAN DILULUS MELALUI SAA		JUMLAH PERMOHONAN DILULUS	
	BILANGAN (a)	JUMLAH (RM Juta) (b)	BILANGAN (c)	JUMLAH (RM Juta) (d)	BILANGAN (a+c)	JUMLAH (RM Juta) (b+d)
2019	4,948	5,781.82	-	-	4,948	5,781.82
2020	13,077	10,076.89	16,709	6,267.53	29,786	16,344.42
2021	7,666	6,423.63	10,109	2,634.06	17,775	9,057.69
2022 (Februari)	1,125	1,256.27	920	264.14	2,045	1,520.41
JUMLAH	26,816	23,538.61	27,738	9,165.73	54,554	32,704.34

Sumber: Bahagian Pengurusan Skim Jaminan, Prokhas

- e. Analisis Audit selanjutnya mendapati 869 permohonan dengan jumlah pembiayaan RM1.002 bilion telah ditolak bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Februari 2022. Antara sebab permohonan ditolak ialah tahap *leverage* syarikat yang tinggi, jumlah permohonan melebihi had pendedahan terkumpul³, keupayaan pembayaran balik yang meragukan, tidak layak di bawah skim tertentu, keperluan modal kerja tidak wajar dan nilai bersih syarikat yang negatif.
- f. Berdasarkan SOP Skim Jaminan Pembiayaan Versi 2.0 dan 3.0 yang diluluskan masing-masing pada 17 Februari 2017 dan 30 November 2020, SJPP hendaklah mengemukakan GNL dalam tempoh 10 hari bekerja selepas menerima permohonan jaminan daripada institusi kewangan. Permohonan hendaklah disertakan dokumen sokongan yang lengkap. GNL merupakan surat yang memaklumkan persetujuan SJPP untuk menjamin pembiayaan pelanggan yang dimohon oleh institusi kewangan. SOP tersebut juga menetapkan had kuasa melulus berdasarkan jumlah pembiayaan adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
HAD KUASA MELULUS SKIM JAMINAN KERAJAAN

HAD KELULUSAN	PELULUS
Melebihi RM5 juta	Ketua Bahagian berjawatan Pengurus Besar dan ke atas
RM5 juta ke bawah	Dua orang iaitu Ketua Jabatan dan Ketua Unit (sekurang-kurangnya jawatan Penolong Pengurus Besar) daripada Bahagian Pengurusan Skim Jaminan, Bahagian Kredit, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif, Jabatan Strategi dan Pemantauan dan Bahagian Pemasaran Modal (Prokhas)
RM2 juta ke bawah	Ketua Jabatan atau Ketua Unit (sekurang-kurangnya jawatan Penolong Pengurus Besar) daripada Bahagian Pengurusan Skim Jaminan, Bahagian Kredit, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif, Jabatan Strategi dan Pemantauan dan Bahagian Pemasaran Modal (Prokhas)
RM200,000 ke bawah	Dua orang iaitu Ketua Unit daripada Bahagian Pengurusan Skim Jaminan, Prokhas berjawatan Pengurus Kanan

Sumber: SOP Skim Jaminan Pembiayaan

³ Group exposure limit - had pembiayaan terkumpul yang dibenarkan

g. Analisis Audit telah dijalankan terhadap data 23,469 akaun permohonan jaminan pembiayaan aktif bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Februari 2022 yang diuruskan oleh SJPP (bukan SAA). Hasil analisis mendapat berlaku **kelewatan memberi kelulusan antara tiga hingga melebihi 100 hari bekerja melibatkan 2,908 (12.4%) permohonan jaminan**. Pengiraan Audit ini berdasarkan tarikh terima permohonan dan tarikh kelulusan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12**. Pihak Audit dimaklumkan bahawa tarikh kelulusan yang direkodkan dalam eGLS merujuk kepada tarikh GNL dikeluarkan. Tempoh kelewatan yang paling tinggi adalah antara tiga hingga 20 hari melibatkan 2,411 permohonan jaminan.

JADUAL 12
TEMPOH KELEWATAN PEMPROSESAN PERMOHONAN JAMINAN

TEMPOH KELEWATAN (Bilangan Hari Bekerja)	BILANGAN PERMOHONAN	%
3 – 20	2,411	82.9
21 – 50	487	16.7
51 – 100	8	0.3
Melebihi 100	2	0.1
JUMLAH	2,908	100

Sumber: Data Customer Information Form daripada eGLS

h. Selanjutnya, pihak Audit menjalankan semakan terhadap 20 sampel fail permohonan yang telah lewat untuk mengesahkan kuasa melulus dan kelewatan yang berlaku. Semakan Audit mendapat **kesemua permohonan telah diluluskan mengikut had kuasa melulus yang ditetapkan namun berlaku kelewatan GNL dikeluarkan mengikut ketetapan SOP**. Tempoh kelewatan antara enam hingga 81 hari. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
TEMPOH KELULUSAN PERMOHONAN JAMINAN

BIL.	NO. JAMINAN	JUMLAH PINJAMAN DILULUSKAN (RM)	TARIKH DOKUMEN LENGKAP DITERIMA	CREATED DATE*	TARIKH GNL	TEMPOH KELEWATAN (Hari Bekerja)
				(a)		
1.	GGSP1034	500,000	TM	28.04.2020	01.09.2020	81
2.	GGSP2054	500,000	27.07.2020	28.07.2020	19.10.2020	50
3.	GGSP1417	750,000	29.06.2020	07.07.2020	22.09.2020	46
4.	SRF7570	550,000	08.05.2020	23.05.2020	06.08.2020	44
5.	GGSP1888	1,000,000	04.08.2020	05.08.2020	13.10.2020	40
6.	GGSP1175	500,000	29.06.2020	07.07.2020	09.09.2020	37
7.	AF0068	1,000,000	28.05.2020	02.06.2020	04.08.2020	36
8.	AF0325	600,000	10.07.2020	04.08.2020	06.10.2020	36
9.	GGSP1211	500,000	01.07.2020	14.07.2020	10.09.2020	33

BIL.	NO. JAMINAN	JUMLAH PINJAMAN DILULUSKAN (RM)	TARIKH DOKUMEN LENGKAP DITERIMA	CREATED DATE*	TARIKH GNL	TEMPOH KELEWATAN (Hari Bekerja)
					(a)	(b)
10.	WCGS26859	5,000,000	16.04.2021	16.04.2021	11.06.2021	31
11.	GGSP1227	500,000	09.07.2020	16.07.2020	10.09.2020	31
12.	WCGS29629	500,000	04.01.2022	10.11.2021	04.01.2022	30
13.	GGSP0942	100,000	12.06.2020	03.07.2020	27.08.2020	30
14.	GGSP1198	500,000	13.07.2020	17.07.2020	10.09.2020	30
15.	GGSP2075	900,000	25.08.2020	28.08.2020	21.10.2020	29
16.	GGSP1174	1,000,000	13.07.2020	17.07.2020	09.09.2020	29
17.	GGSP1228	600,000	15.07.2020	20.07.2020	10.09.2020	29
18.	WCGS29856	500,000	30.11.2021	01.12.2021	24.01.2022	29
19.	WCGSB20240	300,000	25.08.2020	25.08.2020	15.10.2020	28
20.	GGSP2254	100,000	28.09.2020	03.10.2020	26.10.2020	6

Sumber: Data Customer Information Form daripada eGLS dan Fail Permohonan

Nota: (*) - Merujuk kepada tarikh dokumen lengkap diterima dalam eGLS

TM - Tiada Maklumat

Maklum balas SJPP yang diterima pada 17 Jun 2022

Kelewatan ini disebabkan beberapa faktor seperti berikut:

- i. Peningkatan permohonan yang drastik daripada institusi kewangan berikutan kesan Covid-19 kepada perniagaan. Kerajaan telah memperkenalkan empat skim jaminan khas Kerajaan dengan had jaminan sebanyak RM7.500 bilion untuk Skim Kemudahan Bantuan Khas dan RM6 bilion untuk Skim Jaminan Kerajaan PRIHATIN.
- ii. Berikutan penguatkuasaan PKP oleh Kerajaan, kaedah pemprosesan biasa secara fizikal adalah terbatas sehingga mengakibatkan kelewatan penerimaan dokumen berkaitan. Oleh itu, SJPP telah membangunkan kaedah pemprosesan baharu secara atas talian untuk menangani jumlah permohonan yang tinggi pada masa tersebut. Pengenalan kaedah baharu ini juga sedikit sebanyak menyumbang kepada kelewatan pemprosesan permohonan.
- iii. Akibat daripada peningkatan permohonan yang mendadak, secara relatifnya SJPP mengalami kekangan dari segi bilangan kakitangan untuk pemprosesan permohonan jaminan. Pada tahun 2020, sejumlah 29,786 permohonan telah diterima iaitu 502% lebih tinggi berbanding 4,948 permohonan (tahun 2019 dengan 11 kakitangan pemprosesan).

Lonjakan jumlah permohonan pada tahun 2020 merupakan satu situasi luar jangkaan yang disebabkan oleh kesan Covid-19. SJPP telah mengambil langkah kawalan segera dengan sumber yang ada seperti berikut:

- i. Penempatan kakitangan daripada jabatan lain untuk membantu dalam memproses permohonan jaminan termasuk kemasukan data, pemprosesan, semakan dan kelulusan. Pasukan pemprosesan kemudiannya meningkat tiga kali ganda kepada kira-kira 39 kakitangan.
- ii. Memudahkan dan memendekkan pemprosesan untuk had pembiayaan sejumlah RM1 juta dan ke bawah.
- iii. Mengadakan kemudahan SAA untuk SRF dan GGSP bagi had pembiayaan hingga RM1 juta kepada semua institusi kewangan. Bagi modul ini, maklumat asas mengenai permohonan akan dimasukkan ke dalam eGLS oleh institusi kewangan dan diluluskan secara automatik jika mematuhi semua terma prakelulusan.
- iv. Permohonan jaminan melalui salinan cetak ditamatkan dan institusi kewangan memajukan permohonan jaminan melalui e-mel dan seterusnya melalui Sistem Depositori Dokumen.

Pendapat Audit	Kecekapan proses kelulusan skim jaminan Kerajaan SJPP terjejas kerana mengalami kelewatan berikutan peningkatan permohonan selepas pelbagai skim jaminan khas Kerajaan diperkenalkan untuk membantu PKS yang terkesan akibat daripada pandemik Covid-19.
-----------------------	---

5.2.2. Pengurusan Kutipan Hasil Yuran Jaminan

- a. Berdasarkan SOP Skim Jaminan Pembiayaan, yuran jaminan hendaklah dibayar oleh institusi kewangan selepas kelulusan SJPP bagi mengaktifkan perlindungan jaminan. Yuran jaminan yang dikenakan pada kadar 0.5% hingga 1% setahun (bergantung kepada jenis skim) terhadap jumlah baki pembiayaan hendaklah diakaunkan dengan teratur bagi memastikan pelaporan yang tepat.
- b. Analisis Audit selanjutnya dijalankan terhadap pengiraan yuran jaminan melibatkan 34,481 data jaminan yang aktif (kecuali skim GGSP dan PGGS yang menggunakan pengiraan *two-tier fees*) daripada eGLS bagi tahun 2019 hingga bulan Februari 2022. Pengiraan Audit mendapati 34,392 (99.7%) kiraan adalah

teratur manakala 89 (0.3%) jaminan adalah terlebih/terkurang kiraan yuran. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
PENGIRAAN KUTIPAN YURAN JAMINAN

PENGIRAAN AUDIT	BILANGAN JAMINAN	JUMLAH YURAN JAMINAN (RM)
Terlebih kiraan yuran	53	3,607
Terkurang kiraan yuran	36	25,925

Sumber: Data Customer Information Form daripada eGLS

- c. Semakan selanjutnya dibuat terhadap 12 sampel jaminan yang terlebih/terkurang kiraan yuran untuk mengesahkan ketepatan dengan rekod kewangan iaitu lejar dan penyata bank SJPP. Pengiraan Audit mendapat terdapat perbezaan kiraan yuran jaminan bagi sampel berkenaan dengan eGLS. Semakan selanjutnya terhadap jumlah yuran jaminan dalam eGLS mendapat jumlah yang dikutip daripada institusi kewangan dan direkod dalam lejar kewangan adalah sama. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
KUTIPAN HASIL YURAN JAMINAN

BIL.	NO. JAMINAN	JUMLAH JAMINAN (RM)	KADAR YURAN JAMINAN (%)	TEMPOH JAMINAN* (Hari)	JUMLAH YURAN DALAM eGLS (RM)	KIRAIAN AUDIT (RM)	BEZA (RM)
		a	b	c	d	e = $(a \times b \times c) / 364$	d-e
1.	WCGS29228	350,000	1.00	265	3,500.00	2,548.08	951.92
2.	AF0865	1,200,000	0.50	333	6,000.00	5,489.01	510.99
3.	WCGSB20770	96,000	0.75	364	960.00	720.00	240.00
4.	TRRFSMEO881	400,000	0.50	333	2,000.00	1,829.67	170.33
5.	SRF6670	800,000	0.50	364	2,200.00	4,000.00	(1,800.00)
6.	SRF4069	800,000	0.50	364	2,200.00	4,000.00	(1,800.00)
7.	SRF6660	800,000	0.50	364	2,200.00	4,000.00	(1,800.00)
8.	SRF3461	800,000	0.50	364	2,200.00	4,000.00	(1,800.00)
9.	SRF3185	800,000	0.50	364	2,200.00	4,000.00	(1,800.00)
10.	SRF7291	640,000	0.50	364	2,200.00	3,200.00	(1,000.00)
11.	SRF6576	560,000	0.50	364	2,200.00	2,800.00	(600.00)
12.	SRF3180	480,000	0.50	364	2,200.00	2,400.00	(200.00)

Sumber: Data Customer Information Form daripada eGLS, Lejar Akaun dan Penyata Bank

Nota: (*) - Dikira daripada *Commencement Date* hingga *Expiry Date* dalam eGLS

- d. Berdasarkan Laporan Audit Dalam Prokhas, isu berkaitan pengiktirafan hasil yuran jaminan telah dibangkitkan pada tahun 2021 dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah SJPP. Kesilapan perekodan hasil yuran jaminan boleh memberi kesan

kepada pelaporan kedudukan kewangan SJPP secara keseluruhannya iaitu sama ada terlebih atau terkurang nyata.

Maklum balas SJPP yang diterima pada 17 dan 21 Jun 2022

Secara amnya, terdapat kes yuran jaminan oleh pihak institusi kewangan yang terlebih/terkurang bayaran disebabkan kesilapan pihak institusi kewangan semasa pengiraan yuran dan jumlah jaminan (kadar yuran 0.5%, 0.75% atau 1% dan bergantung kepada skim yang ditawarkan). Maklumat perubahan jumlah jaminan oleh institusi kewangan yang tidak dimaklumkan kepada SJPP dan data yang dimasukkan oleh institusi kewangan yang tidak tepat juga menyebabkan rekod dalam eGLS adalah berbeza. Selain itu, pembayaran yuran dilakukan walaupun tempoh jaminan telah tamat.

Kesemua pembayaran yuran jaminan akan melalui proses semakan SJPP. Bagi kes terlebih bayaran, SJPP akan memulangkan lebihan yuran, manakala bagi kes terkurang bayaran, pihak institusi kewangan diminta untuk membayar jumlah yang terkurang.

SJPP telah menambah baik eGLS dengan menetapkan parameter pengiraan yuran jaminan dan melaksanakan proses semakan bagi mengatasi masalah ini.

Pendapat Audit | Semakan dan pengesahan yuran jaminan oleh SJPP yang teliti dapat mengelakkan risiko terlebih/terkurang kutip yuran jaminan yang boleh menyebabkan salah nyata pelaporan kedudukan kewangan SJPP.

- e. Berdasarkan Perjanjian Pentadbiran antara SJPP dengan Prokhas, caj yuran pentadbiran hendaklah dibayar kepada Prokhas mengikut kadar yang telah ditetapkan daripada yuran jaminan kasar yang diterima oleh SJPP. Menurut penjelasan SJPP, Lembaga Pengarah akan mengkaji justifikasi bagi meluluskan terma perjanjian berkenaan sebelum menandatangani setiap perjanjian. Sebanyak enam perjanjian tambahan (Supplemental Agreement) telah ditandatangani antara SJPP (diwakili oleh ahli Lembaga Pengarah/Pegawai Utama) dan wakil Prokhas. Butiran lanjut perjanjian adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
KADAR CAJ YURAN PENTADBIRAN YANG DIKENAKAN OLEH PROKHAS

BIL.	PERJANJIAN	TARIKH PERJANJIAN	KADAR CAJ YURAN PENTADBIRAN
1.	Perjanjian Pentadbiran	07.04.2009	20% daripada yuran jaminan kasar yang diterima oleh SJPP atau RM200,000 sebulan, yang mana tertinggi
2.	First Supplement Agreement	03.03.2011	80% daripada yuran jaminan kasar yang diterima oleh SJPP atau RM1.20 juta sebulan, yang mana tertinggi
3.	Second Supplement Agreement	20.03.2012	
4.	Third Supplement Agreement	08.05.2013	80% daripada yuran jaminan kasar yang diterima oleh SJPP atau RM500,000 sebulan, yang mana tertinggi
5.	Fourth Supplement Agreement	01.04.2015	
6.	Fifth Supplement Agreement	05.12.2016	80% daripada yuran jaminan kasar yang diterima oleh SJPP atau RM800,000 sebulan, yang mana tertinggi
7.	Sixth Supplement Agreement	16.01.2019	80% daripada yuran jaminan kasar yang diterima oleh SJPP atau RM900,000 sebulan, yang mana tertinggi

Sumber: Perjanjian Pentadbiran antara SJPP dengan Prokhas

- f. Semakan Audit terhadap Perjanjian Pentadbiran mendapati kadar caj yuran pentadbiran yang dikenakan meningkat sejak tahun 2009 iaitu daripada 20% kepada 80% pada tahun 2011 atau RM200,000 hingga RM1.20 juta sebulan, yang mana tertinggi. Keadaan ini disebabkan oleh pertambahan permohonan yang diluluskan mengikut skim yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan. Peningkatan permohonan jaminan telah menyebabkan peningkatan kos operasi terutamanya peningkatan bilangan kakitangan, kos penambahbaikan eGLS dan lain-lain.
- g. Semakan Audit mendapati hasil yuran jaminan yang diterima oleh SJPP bagi tempoh tahun 2019 hingga tahun 2021 berjumlah RM272.02 juta. Hasil yuran jaminan menunjukkan trend peningkatan pada setiap tahun sejajar dengan peningkatan dalam jumlah pembiayaan yang dijamin oleh SJPP dengan skim jaminan baharu yang ditawarkan. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2021, kadar yang dikenakan adalah sebanyak 80% daripada jumlah yuran jaminan kasar yang diterima oleh SJPP daripada institusi kewangan. Caj yuran pentadbiran yang dibayar kepada Prokhas berjumlah RM217.07 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 17**.


JADUAL 17
HASIL YURAN JAMINAN DAN CAJ YURAN PENTADBIRAN

TAHUN	HASIL YURAN JAMINAN (RM Juta)	CAJ YURAN PENTADBIRAN (RM Juta)	%
2019	49.82	39.34	78.9
2020	78.01	62.39	79.9
2021	144.19	115.34	79.9
JUMLAH	272.02	217.07	79.8


Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2019 dan 2020 serta Penyata Kewangan Belum Beraudit Tahun 2021

h. Hasil yuran jaminan yang diperoleh melebihi caj yuran pentadbiran menyumbang kepada prestasi kewangan yang baik dengan merekodkan trend keuntungan sebelum cukai bagi tempoh tiga tahun berturut-turut. SJPP juga telah berupaya membayar dividen kepada MKD pada tahun 2020 berjumlah RM5 juta. Keadaan ini menyumbang peningkatan keuntungan terkumpul pada tahun 2021 kepada RM83.41 juta. Trend pendapatan, perbelanjaan, keuntungan sebelum cukai dan keuntungan terkumpul bagi tiga tahun berkaitan adalah seperti dalam **Carta 3** dan **Carta 4**.

CARTA 3
**TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 2019, 2020 DAN 2021**



CARTA 4
**TREND KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI
serta KEUNTUNGAN TERKUMPUL
BAGI TAHUN 2019, 2020 DAN 2021**



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2019 dan 2020 serta Penyata Kewangan Belum Beraudit Tahun 2021

Maklum balas MKD yang diterima pada 19 Julai 2022

Bagi memperkasakan tadbir urus SJPP, Prokhas dan MKD akan mengkaji semula Perjanjian Pengurusan antara MOF dan SJPP, serta Perjanjian Pentadbiran antara SJPP dan Prokhas untuk penambahbaikan terma yang berkaitan selagi tidak bercanggah dengan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa.

Pendapat Audit | **Kajian semula terhadap terma Perjanjian Pengurusan (MOF dan SJPP) serta Perjanjian Pentadbiran (SJPP dan Prokhas) dapat memperkuuh aspek tadbir urus dalam pengurusan jaminan pembiayaan perniagaan.**

5.2.3. Pengurusan Tuntutan Jaminan Pembiayaan

a. Kedudukan Tuntutan Jaminan Pembiayaan

- i. Berdasarkan perjanjian pembiayaan antara PKS dan institusi kewangan, PKS yang gagal membayar balik pembiayaan kepada institusi kewangan akan menyebabkan kemudahan pembiayaan ditamatkan dan pelanggan akan melalui proses perundangan sewajarnya. Tuntutan jaminan akan dikemukakan oleh institusi kewangan kepada SJPP untuk tujuan penilaian dan kelulusan berserta dokumen sokongan dalam tempoh jaminan. Penilaian tuntutan akan diproses oleh SJPP dan kelulusan dibuat oleh JKPP. Tempoh pemprosesan tuntutan sebelum kelulusan pembayaran yang ditetapkan adalah selama 14 hari bekerja.
- ii. Sejak penubuhan SJPP pada tahun 2009 hingga bulan Februari 2022, tuntutan bersih jaminan Kerajaan daripada institusi kewangan berjumlah RM587.02 juta (1.4%) berbanding sejumlah RM42.628 bilion pembiayaan dikeluarkan kepada PKS. Analisis Audit mendapati jumlah tuntutan bersih jaminan paling tinggi direkodkan pada tahun 2021 iaitu sejumlah RM104.34 juta berikutan peningkatan pembiayaan tak berbayar semasa situasi pandemik Covid-19. Secara keseluruhannya, trend kadar pembiayaan tak berbayar pula menunjukkan peningkatan sejak tahun 2009 namun mengalami penurunan bermula pada tahun 2016. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 18** dan **Carta 5**.


JADUAL 18
KEDUDUKAN TUNTUTAN BERSIH JAMINAN KERAJAAN OLEH
INSTITUSI KEWANGAN SETAKAT BULAN FEBRUARI 2022

TAHUN	PEMBIAYAAN DIKELUARKAN (RM Juta)	PEMBIAYAAN DIKELUARKAN TERKUMPUL (RM Juta) (a)	TUNTUTAN BERSIH JAMINAN (RM Juta)	TUNTUTAN BERSIH JAMINAN TERKUMPUL (RM Juta) (b)	KADAR PEMBIAYAAN TAK BERBAYAR (%) (b/a x 100%)
2009	5,325.25	5,325.25	-	-	0.0
2010	1,279.45	6,604.70	58.14	58.14	0.9
2011	1,520.56	8,125.26	79.48	137.62	1.7
2012	276.95	8,402.21	63.60	201.22	2.4
2013	114.61	8,516.82	31.42	232.64	2.7
2014	90.27	8,607.09	38.08	270.72	3.1
2015	194.40	8,801.49	16.21	286.93	3.3
2016	838.64	9,640.13	9.49	296.42	3.1
2017	1,588.49	11,228.62	19.51	315.93	2.8

TAHUN	PEMBIAYAAN DIKELUARKAN (RM Juta)	PEMBIAYAAN DIKELUARKAN TERKUMPUL (RM Juta)	TUNTUTAN BERSIH JAMINAN TERKUMPUL (RM Juta)	TUNTUTAN BERSIH JAMINAN TERKUMPUL (RM Juta)	KADAR PEMBIAYAAN TAK BERBAYAR (%)
			(a)		
2018	3,221.73	14,450.35	40.45	356.38	2.5
2019	4,299.16	18,749.51	69.29	425.67	2.3
2020	9,627.66	28,377.17	48.23	473.90	1.7
2021	12,954.30	41,331.47	104.34	578.24	1.4
2022	1,296.81	42,628.28	8.78	587.02	1.4
JUMLAH	42,628.28		587.02		

Sumber: SJPP


CARTA 5
JUMLAH TUNTUTAN BERSIH JAMINAN DAN KADAR PEMBIAYAAN TAK BERBAYAR
BAGI TAHUN 2009 HINGGA BULAN FEBRUARI 2022



Sumber: SJPP

- iii. Berdasarkan status skim pula, skim yang telah ditutup iaitu Skim Jaminan Modal Kerja (tahun 2009), Skim Jaminan Pembiayaan Penstruktur Semula Industri (tahun 2009) dan Skim Jaminan Modal Kerja RMKe-10 (tahun 2010). Skim ini merupakan jaminan pembiayaan yang ditawarkan bagi modal kerja dan perbelanjaan modal dengan peruntukan RM13 bilion. Skim ini mencatatkan pembiayaan tak berbayar pada kadar 3.6% dengan tuntutan bersih jaminan berjumlah RM310 juta manakala skim semasa yang masih aktif pada kadar 0.8% dengan tuntutan berjumlah RM277.02 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 6**.

CARTA 6
JUMLAH TUNTUTAN BERSIH JAMINAN MENGIKUT STATUS SKIM
SETAKAT BULAN FEBRUARI 2022



Sumber: SJPP

Nota: Tuntutan Bersih Jaminan = Tuntutan Diluluskan + Tuntutan Dalam Proses + Tuntutan Distruktur Semula

Maklum balas SJPP yang diterima pada 17 Jun 2022

Bagi tiga skim terdahulu yang telah ditutup, tempoh masa pembiayaan adalah pendek iaitu antara lima hingga 10 tahun dan semua permohonan tuntutan untuk pembiayaan tak berbayar telah dibuat sebelum tamat tempoh jaminan iaitu antara tahun 2015 dan 2020.

Bagi skim semasa pula, tempoh masa pembiayaan dan tempoh jaminan adalah masih panjang iaitu pada tahun 2035. Oleh itu, walaupun kadar pembiayaan tak berbayar bagi skim semasa pada ketika ini adalah rendah, SJPP berpendapat kadar ini masih belum boleh ditentukan secara muktamad kerana tempoh jaminan masih belum tamat. SJPP tidak menolak kemungkinan kadar ini akan meningkat (seperti skim terdahulu) pada masa akan datang.

Selain itu, faktor yang menyumbang kepada kadar pembiayaan tak berbayar yang lebih tinggi bagi tiga skim yang ditutup berbanding dengan skim semasa adalah:

- i. Untuk skim semasa, peruntukan jaminan masih sedia ada.
- ii. Usaha institusi kewangan dalam menjadualkan atau menstrukturkan semula pembiayaan sebelum tuntutan dibuat berikutan arahan Bank Negara Malaysia untuk membantu PKS menangani pandemik Covid-19.
- iii. Institusi kewangan masih melanjutkan moratorium pinjaman kepada pelanggan yang terjejas.

Institusi kewangan tidak menawarkan kemudahan penjadualan atau penstrukturran semula secara menyeluruh kepada kesemua peminjam bagi skim terdahulu (tahun 2009 hingga 2012). Kemudahan penjadualan atau penstrukturran semula secara menyeluruh yang dilakukan (tahun 2020 hingga 2022) berkemungkinan telah dapat membantu merendahkan kadar pembiayaan tak berbayar bagi skim semasa.

Pendapat Audit | Secara keseluruhannya, kadar pembiayaan tak berbayar berada pada tahap baik kerana menunjukkan trend penurunan sejak 2016. Namun, jumlah tuntutan bersih jaminan telah menunjukkan peningkatan drastik pada tahun 2021.

b. Akaun Dana Tuntutan

- i. MOF telah menubuhkan akaun khas iaitu Akaun Dana Tuntutan yang ditadbir oleh JKPP untuk memenuhi tuntutan liabiliti luar jangka daripada pembiayaan yang dijamin oleh Kerajaan. Akaun ini juga bertujuan bagi membuat bayaran 2% rebat kadar faedah/keuntungan yang diberikan kepada pelanggan PKS berorientasikan eksport yang layak. Sebarang hasil pemulihan yang diterima daripada institusi kewangan juga diiktiraf sebagai sebahagian pendahuluan daripada MOF. SJPP bagi pihak MOF memegang Akaun Dana Tuntutan melalui penempatan deposit di institusi kewangan. Faedah dan keuntungan yang diperoleh daripada penempatan deposit ini dikreditkan semula kepada akaun dana. Semakan Audit mendapati kedudukan dana ini dilaporkan secara berkala dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dan status skim bulanan kepada Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan (BSPK), MOF.
- ii. Berdasarkan SOP Skim Jaminan Pembiayaan, JKPP bermesyuarat pada minggu ketiga bulan seterusnya selepas mesyuarat Jawatankuasa Skim Jaminan atau mengikut nasihat Setiausaha Syarikat Prokhas. Semakan Audit mendapati JKPP telah bermesyuarat sebanyak sembilan kali bagi tahun 2019, lapan kali bagi tahun 2020, 11 kali bagi tahun 2021 dan dua kali setakat bulan Mac 2022. JKPP juga telah meluluskan tuntutan jaminan melalui pekeliling resolusi sebanyak 14 kali pada tahun 2020. Kelulusan tuntutan jaminan melalui pekeliling resolusi adalah selaras dengan terma rujukan jawatankuasa.
- iii. Setakat bulan Februari 2022, SJPP menerima sejumlah RM687 juta dana daripada MOF bagi tujuan pembayaran tuntutan jaminan oleh institusi kewangan. Dana ini juga dilaburkan dalam pasaran wang dan menjana sejumlah RM137.02 juta keuntungan/faedah. Jumlah tuntutan jaminan yang

telah dibayar ialah RM410.09 juta dan SJPP juga membuat pembayaran balik kepada Kerajaan pada tahun 2014 dan 2016 bagi jumlah pemulihan tuntutan dan keuntungan daripada penempatan deposit dana tuntutan. Baki tunai dana tuntutan jaminan setakat bulan Februari 2022 ialah RM355.56 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
KEDUDUKAN DANA TUNTUTAN JAMINAN KERAJAAN
SETAKAT BULAN FEBRUARI 2022

BUTIRAN	JUMLAH (RM Juta)
Jumlah dana tuntutan diterima daripada Kerajaan	687.00
Jumlah keuntungan diterima daripada pelaburan pasaran wang	137.02
Hasil daripada pemulihan pembiayaan	13.95
Jumlah (a)	837.97
Jumlah tuntutan diluluskan yang dibayar	(410.09)
Amaun dipulangkan kepada MOF – pemulihan (28.10.2014)	(5.15)
Amaun dipulangkan kepada MOF – keuntungan simpanan tetap (18.10.2016)	(54.40)
2% rebat kadar faedah/keuntungan dibayar	(12.77)
Jumlah (b)	(482.41)
BAKI DANA (c = a – b)	355.56

Sumber: Laporan Bulanan kepada BSPK, MOF

- iv. Semakan Audit mendapati SJPP telah melaporkan kedudukan liabiliti luar jangka yang ditanggung oleh Kerajaan (sekiranya PKS gagal menyelesaikan pembiayaan) kepada BSPK, MOF secara bulanan. Kedudukan liabiliti luar jangka ini turut dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah SJPP secara berkala. Semakan Audit seterusnya mendapati penyata kewangan beraudit SJPP telah melaporkan perkara liabiliti luar jangka ini dalam nota kepada penyata kewangan.
- v. Setakat bulan Februari 2022, liabiliti luar jangka berkenaan adalah berjumlah RM21.400 bilion. **Liabiliti luar jangka ini menunjukkan trend peningkatan dari tahun 2019 hingga bulan Februari 2022 berjumlah RM15.270 bilion (249.1%).** Peningkatan ini adalah selaras dengan peningkatan bilangan akaun dan jumlah baki pembiayaan. Butiran jumlah liabiliti luar jangka bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Februari 2022 adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
LIABILITI LUAR JANGKA KERAJAAN
BAGI TAHUN 2019 HINGGA BULAN FEBRUARI 2022

TAHUN	BILANGAN AKAUN	JUMLAH BAKI PEMBIAYAAN (RM Bilion)	JUMLAH JAMINAN (RM Bilion)
2019	8,690	8.810	6.130
2020	21,848	17.063	12.597
2021	49,771	27.816	20.782
2022 (Februari)	51,897	28.700	21.400

Sumber: Laporan Bulanan kepada BSPK, MOF dan Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah SJPP

- vi. Analisis Audit terhadap kedudukan kewangan SJPP mendapati SJPP mempunyai sumber kewangan yang mencukupi dan mampu menampung obligasinya pada masa yang diperlukan. SJPP mempunyai aset semasa yang terdiri daripada baki tunai dan bank, cukai tertunda, faedah dan keuntungan deposit belum terima. Liabiliti semasa pula terdiri daripada pendahuluan yuran jaminan, jumlah belum bayar kepada Prokhas dan peruntukan cukai.
- vii. Jumlah aset adalah melebihi jumlah liabiliti bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 iaitu masing-masing berjumlah RM111.64 juta (205.5%), RM123.67 juta (123.8%) dan RM133.41 juta (94.8%). Analisis nisbah semasa menunjukkan keairan syarikat mengalami trend penurunan pada setiap tahun iaitu pada kadar 3.35 (2019), 2.43 (2020) dan 1.95 (2021) namun, syarikat masih mampu memenuhi obligasi jangka pendeknya. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
KEDUDUKAN ASET DAN LIABILITI BAGI TAHUN 2019, 2020 DAN 2021

BUTIRAN/TAHUN	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
ASET (A)	165.96	223.57	274.08
Aset Semasa (a)	165.96	223.57	274.08
Aset Bukan Semasa	-	-	-
LIABILITI (B)	54.32	99.90	140.67
Liabiliti Semasa (b)	49.61	92.08	140.67
Liabiliti Bukan Semasa	4.71	7.82	-
ASET-LIABILITI (A-B)	111.64	123.67	133.41
NISBAH SEMASA (a/b kali)	3.35	2.43	1.95

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi tahun 2019 dan 2020 serta Penyata Kewangan Belum Beraudit Tahun 2021

- viii. Analisis Audit dibuat terhadap aliran tunai SJPP bagi menilai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada aktiviti operasi dan pelaburan untuk menampung keperluan perbelanjaan syarikat. Pada akhir tahun kewangan

2021, SJPP mempunyai baki tunai dan bank berjumlah RM253.55 juta terdiri daripada RM58,000 baki tunai dan RM253.49 juta deposit di institusi kewangan.

- ix. Baki tunai dan bank yang tinggi ini disumbangkan oleh dana pemegang saham (RM133.41 juta) dan terimaan pendahuluan yuran jaminan (RM120.14 juta). Baki ini meningkat sejumlaah RM52.12 juta (25.9%) pada tahun 2021 berbanding tahun 2020, sebahagian besarnya disumbangkan oleh terimaan pendahuluan yuran jaminan. Sehubungan itu, **SJPP mempunyai lebihan dana yang boleh dimanfaatkan bagi menampung sebahagian keperluan dana tuntutan pada masa akan datang.**

Maklum balas SJPP yang diterima pada 17 Jun dan 19 Julai 2022

Liabiliti luar jangka didedahkan dalam nota kepada penyata kewangan kerana SJPP hanya diberi mandat untuk mengurus dan mentadbir skim jaminan Kerajaan. Jaminan dikeluarkan oleh Kerajaan dan merupakan liabiliti Kerajaan berdasarkan surat jaminan yang dikeluarkan oleh Kerajaan kepada institusi kewangan. Oleh itu, liabiliti luar jangka Kerajaan tidak dilaporkan dalam penyata kewangan beraudit SJPP.

Dana pemegang saham tidak boleh dimasukkan dalam tuntutan kecuali untuk menanggung kos operasi syarikat dan bayaran dividen kepada pemegang saham sahaja. Keuntungan terkumpul terkini setakat bulan Mei 2022 sejumlaah RM105.20 juta tidak dapat menampung anggaran tuntutan daripada institusi kewangan yang boleh mencapai hingga RM2 bilion.

Maklum balas MKD yang diterima pada 19 Julai 2022

MKD dan SJPP akan mempertimbangkan keperluan baki tunai dan bank SJPP disalurkan kepada Akaun Dana Tuntutan pada masa akan datang.

Pendapat Audit	Keuntungan yang dijana daripada peningkatan hasil yuran jaminan pada setiap tahun menyumbang kepada prestasi kewangan SJPP yang kukuh bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Lebihan dana SJPP boleh dimanfaatkan bagi menampung keperluan tuntutan jaminan daripada institusi kewangan pada masa akan datang.
-----------------------	--

c. Proses Tuntutan Jaminan Pembiayaan

- i. Berdasarkan SOP Skim Jaminan Pembiayaan, institusi kewangan terlibat hendaklah mengemukakan Notis Tuntutan kepada SJPP berserta dokumen sokongan dalam tempoh jaminan yang sah. Penilaian tuntutan akan disyorkan oleh Jawatankuasa Skim Jaminan (peringkat pengurusan) untuk kelulusan JKPP. Pembayaran tuntutan jaminan dibuat kepada institusi kewangan yang terlibat setelah perintah penggulungan diterima dan Proof of Debt Form difaikkan kepada pelanggan.
- ii. Mengikut piagam masa, proses tuntutan hendaklah diluluskan oleh Ketua Jabatan (sebelum kelulusan Jawatankuasa Skim Jaminan dan JKPP) dalam tempoh 14 hari bekerja selepas terimaan dokumen lengkap dan status tindakan perundangan terhadap pelanggan daripada institusi kewangan.
- iii. Analisis Audit dijalankan terhadap 201 data tuntutan jaminan pembiayaan yang diluluskan oleh JKPP (berdasarkan tarikh kelulusan) bagi tempoh tahun 2019 hingga Mei 2022. Analisis bertujuan menentukan keseluruhan tempoh pemprosesan tuntutan bermula dari tarikh terima dokumen tuntutan lengkap hingga tarikh kelulusan Jawatankuasa Skim Jaminan.
- iv. Analisis Audit mendapati **69 (34.3%) permohonan tuntutan diproses melebihi tempoh 14 hari bekerja ditetapkan**. Tempoh kelewatan pemprosesan tuntutan jaminan yang paling tinggi adalah hingga 30 hari melibatkan 61 (88.4%) tuntutan jaminan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 22**.

**JADUAL 22
TEMPOH KELEWATAN PROSES TUNTUTAN JAMINAN**

TEMPOH KELEWATAN (Bilangan Hari Bekerja)	BILANGAN PERMOHONAN	JUMLAH JAMINAN DITUNTUT (RM Juta)
Bawah 30	61	33.76
31 - 70	8	5.82
JUMLAH	69	39.58

Sumber: Senarai Tuntutan daripada eGLS

- v. Pihak Audit seterusnya menjalankan semakan terhadap 20 sampel permohonan untuk mengesahkan tempoh dan proses kelulusan adalah teratur. Semakan Audit mendapati permohonan tuntutan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Skim Jaminan dan JKPP. **Namun, kelewatan tempoh**

proses tuntutan daripada tarikh terima dokumen lengkap sehingga peringkat kelulusan Jawatankuasa Skim Jaminan adalah antara lapan hingga 65 hari. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 23.**

**JADUAL 23
KELULUSAN DAN BAYARAN TUNTUTAN JAMINAN**

BIL.	NO. JAMINAN	TARIKH DOKUMEN LENGKAP DITERIMA	TARIKH LULUS JAWATANKUASA SKIM JAMINAN	TARIKH SURAT TUNTUTAN DIBAYAR	JUMLAH TUNTUTAN DIBAYAR (RM)	TEMPOH KELEWATAN	TEMPOH PROSES TUNTUTAN
		(a)	(b)	(c)		(Hari Bekerja)	(a - b - 14 hari)
1.	WCGSE 1287	10.08.2020	26.11.2020	14.10.2021	985,589	65	309
2.	WCGSE 1372	10.08.2020	26.11.2020	11.05.2022	339,883	65	458
3.	WCGSE 2957	04.08.2020	03.11.2020	29.03.2021	630,455	52	170
4.	WCGSE 2159	26.02.2020	21.05.2020	23.06.2020	292,333	48	85
5.	WCGSE 3254	11.02.2020	23.04.2020	10.06.2020	315,746	39	87
6.	WCGSE 0621	12.02.2020	23.04.2020	10.06.2020	75,916	38	86
7.	WCGSE 0407	19.02.2020	23.04.2020	10.06.2020	250,205	33	81
8.	WCGSE 0928	24.02.2020	23.04.2020	10.06.2020	119,000	30	78
9.	WCGSE 1517	30.09.2020	26.11.2020	05.05.2021	1,453,070	28	156
10.	SSGSWC 0320	27.02.2020	23.04.2020	10.06.2020	518,543	27	75
11.	WCGSE 0215	28.02.2020	23.04.2020	10.06.2020	700,000	26	74
12.	SSGSWC 0254	28.02.2020	23.04.2020	10.06.2020	1,382,329	26	74
13.	SSGSWC 0032	07.06.2021	28.07.2021	01.12.2021	2,882,129	24	128
14.	WCGSE 0321	07.06.2021	28.07.2021	01.12.2021	434,000	24	128
15.	WCGSE 2947	14.09.2020	03.11.2020	11.10.2021	764,427	23	281
16.	10MPWCG S1885	06.03.2020	23.04.2020	10.06.2020	667,739	21	69
17.	SSGSWC 0846	13.08.2019	25.09.2019	17.10.2019	341,831	18	48
18.	WCGSE 0753	20.05.2021	30.06.2021	04.01.2022	557,954	16	164
19.	WCGSE 3559	13.03.2020	23.04.2020	10.06.2020	571,192	16	64
20.	WCGS 005279	28.01.2019	26.02.2019	20.03.2019	4,046	8	38

Sumber: Rekod Tuntutan Tahun 2019 hingga 2021 dan Fail Tuntutan Jaminan

- vi. Semakan selanjutnya juga dibuat terhadap tempoh masa pemprosesan yang bermula dari terimaan dokumen tuntutan lengkap oleh institusi kewangan hingga pembayaran tuntutan. **Secara keseluruhannya, tempoh masa yang diambil ialah antara 38 hingga 458 hari bekerja.**

- vii. Berdasarkan penjelasan SJPP, tempoh masa pemprosesan yang panjang berlaku disebabkan dokumen tuntutan yang sedang dalam tindakan penghakiman belum diterima meskipun institusi kewangan telah mengemukakan notis tuntutan lebih awal. Selain itu, terdapat keadaan proses ditangguhkan kerana memberi ruang kepada penstruktur dan penjadualan semula pembayaran oleh institusi kewangan. Bagaimanapun, notis tuntutan perlu dikemukakan oleh institusi kewangan dalam tempoh jaminan dan tiada yuran jaminan akan dikenakan seterusnya.
- viii. Semakan Audit terhadap laporan bulanan Jawatankuasa Skim Jaminan pada bulan April 2022 mendapati 121 akaun dengan jumlah tuntutan RM86.29 juta masih belum selesai proses penghakiman untuk pembayaran tuntutan. Sebanyak 108 akaun dengan tuntutan berjumlah RM65.94 juta pula tertangguh kerana penstruktur dan penjadualan semula pembayaran oleh institusi kewangan.
- ix. Berdasarkan pencapaian KPI tahun 2020 dan 2021, SJPP telah menunjukkan pencapaian 100% sasaran 14 hari piagam masa yang ditetapkan. Pencapaian ini berdasarkan purata tempoh masa yang diambil untuk memproses semua tuntutan (bermula dokumen lengkap diterima hingga diluluskan di peringkat Ketua Jabatan atau Jawatankuasa Skim Jaminan).

Maklum balas SJPP yang diterima pada 17 Jun 2022

Pemprosesan tuntutan pada tahun 2020 terjejas disebabkan faktor berikut:

- i. Permohonan tuntutan turut melibatkan proses di luar kawalan SJPP (antaranya proses mahkamah bagi mendapatkan perintah penghakiman). Pihak institusi kewangan perlu mencapai sekurang-kurangnya tahap keputusan Perintah Penghakiman diperoleh selain mengemukakan dokumen lengkap kepada SJPP (kedua-dua terma ini akan dirujuk sebagai prasyarat yang harus dipenuhi) sebelum SJPP memproses tuntutan untuk mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Skim Jaminan. Seterusnya tindakan undang-undang terhadap peminjam perlu diselesaikan sepenuhnya sebelum bayaran tuntutan yang telah diluluskan dapat disalurkan oleh SJPP kepada institusi kewangan. Tindakan undang-undang terhadap syarikat peminjam kebiasaannya dianggap selesai sepenuhnya apabila syarikat digulung dan Proof of Debt Form telah difailkan oleh pihak institusi kewangan. Bayaran tuntutan hanya akan dibuat selepas Proof of Debt Form dikemukakan.

- ii. Pemprosesan tuntutan yang melibatkan penelitian fail sulit peminjam dan dokumen sokongan secara fizikal juga terjejas apabila kakitangan pemprosesan tuntutan tidak dapat mengakses fail tersebut semasa pelaksanaan PKP.
- iii. Mesyuarat Jawatankuasa Skim Jaminan yang dijadualkan pada bulan Mac 2020 (sembilan tuntutan terlibat) dan Oktober 2020 (lima tuntutan) terpaksa ditunda ke April 2020 dan November 2020 serta tundaan mesyuarat JKPP pada bulan April 2020 berikutan PKP turut menyumbang kepada kelewatan.
- iv. Kakitangan yang terlibat dalam proses tuntutan juga ditugaskan untuk membantu kerja pemprosesan permohonan yang meningkat secara mendadak pada tahun 2020. Oleh itu, keutamaan tugas kerja kakitangan Unit Tuntutan pada masa tersebut adalah untuk membantu Unit Pemprosesan memproses permohonan pemberian.

Namun demikian, penambahbaikan telah dijalankan seperti berikut:

- i. penambahan kakitangan Unit Tuntutan;
- ii. penambahbaikan eGLS untuk mengautomasikan sebahagian daripada proses kawalan dan penyediaan kertas kerja; dan
- iii. penambahbaikan had kuasa (Limit of Authority) yang telah diluluskan oleh MOF pada 13 April 2022 bagi membolehkan Jawatankuasa Skim Jaminan meluluskan tuntutan jaminan berjumlah RM100,000 ke bawah. Langkah ini diambil supaya JKPP dapat memberi tumpuan yang lebih kepada tuntutan jaminan yang melebihi jumlah RM100,000.

Pendapat Audit | Kecekapan proses tuntutan jaminan terjejas kerana mengalami kelewatan bagi tempoh yang dinilai berikutan kekangan PKP akibat daripada pandemik Covid-19 dan faktor luar kawalan SJPP.

5.3. Tadbir Urus Korporat

5.3.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan baik, telus dan bertanggungjawab.

5.3.2. Secara keseluruhannya, SJPP telah mengamalkan lima daripada lapan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat. Tiga aspek tadbir urus korporat yang tidak diamalkan sepenuhnya ialah Lembaga Pengarah, Pelan Perniagaan dan SOP. Amalan terbaik tadbir urus korporat yang tidak diamalkan sepenuhnya bagi Lembaga Pengarah dan Pelan Perniagaan diringkaskan dalam **Jadual 24**. Amalan berkaitan aspek pematuhan SOP pula telah dibangkitkan dalam **Perenggan 5.2.1.** dan **Perenggan 5.2.3.c..**

JADUAL 24
PENEMUAN AUDIT BERKAITAN AMALAN TADBIR URUS KORPORAT

ASPEK	AMALAN TERBAIK	PENEMUAN AUDIT
Lembaga Pengarah	Garis Panduan Baru berkaitan Kadar Pembayaran Elaun Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat MKD yang dikeluarkan oleh MKD pada 13 Jun 2019 menetapkan pembayaran elaun kepada pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah bagi SPV terhad kepada elaun mesyuarat sahaja pada kadar RM1,000 setiap mesyuarat dan dihadkan kepada satu mesyuarat/bulan sahaja tanpa mengambil kira kekerapan mesyuarat yang diadakan.	Pembayaran elaun mesyuarat Lembaga Pengarah SJPP adalah melebihi kadar yang ditetapkan iaitu sebanyak RM2,400 bagi pengerusi mesyuarat dan RM1,600 bagi ahli Lembaga Pengarah. Keseluruhan lebihan bayaran elaun berjumlah RM15,800. Perkara ini disebabkan SJPP tidak menerima makluman berkaitan kadar baharu elaun berkenaan daripada MKD.
Pelan Perniagaan	<p>Malaysian Code on Corporate Governance 2021 amalan 1.1, panduan G1.1 dan Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan MKD Disember 2014, perenggan 2.2(b) menyarankan Lembaga Pengarah perlu memastikan syarikat beroperasi selaras dengan objektif penubuhannya melalui penyediaan strategi, pelan perniagaan yang mantap dan rangka kerja tadbir urus yang berkesan. Pelan Korporat hendaklah diluluskan dan dipantau oleh Lembaga Pengarah.</p> <p>Terma rujukan Lembaga Pengarah juga menyatakan tanggungjawab menyemak dan meluluskan semua perkara strategik dan dasar termasuk objektif, strategi, rancangan perniagaan, belanjawan dan dasar operasi penting SJPP.</p>	<p>Pelan perniagaan tahunan yang diluluskan di peringkat Prokhas tidak dibincangkan di peringkat Lembaga Pengarah SJPP.</p>

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum balas MKD yang diterima pada 23 Jun dan 19 Julai 2022

MKD telah mengeluarkan surat penetapan kadar elaun Lembaga Pengarah kepada SJPP pada 22 Jun 2022 yang selaras dengan ketetapan garis panduan. Pelan perniagaan untuk SJPP akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah SJPP pada masa akan datang. MOF telah menyediakan Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Syarikat MKD bagi SPV bertujuan memantapkan tadbir urus SPV dan diluluskan oleh YB Menteri Kewangan pada 15 Julai 2022.

Pendapat | Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus korporat adalah Audit | memuaskan.

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, SJPP telah mencapai objektif penubuhannya melalui pencapaian output iaitu sasaran jumlah pembiayaan diluluskan dan tuntutan jaminan dibayar. Pencapaian keberhasilan pula menunjukkan impak positif skim jaminan Kerajaan melalui SJPP iaitu sumbangan syarikat PKS kepada KDNK negara pada kadar 38.9% (tahun 2019) dan 38.2% (tahun 2020). Peningkatan hasil kutipan yuran skim jaminan pembiayaan menyumbang kepada kedudukan kewangan syarikat yang kukuh dan membolehkan pembayaran dividen kepada MKD serta mempunyai lebihan dana untuk disalurkan bagi keperluan tuntutan jaminan. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti jaminan pembiayaan daripada aspek tempoh memproses permohonan dan tuntutan mengalami kelewatan yang terkesan akibat daripada pandemik Covid-19. Selain itu, terdapat kesilapan pengiraan yuran jaminan yang menyebabkan yuran jaminan terlebih/terkurang kutip. Amalan tadbir urus korporat SJPP juga berada pada tahap memuaskan dengan mekanisme kawalan di peringkat pengurusan Prokhas dan pemantauan secara terus oleh MKD.

7. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan lagi pencapaian objektif penubuhan SJPP, pihak pengurusan Prokhas, MKD dan Lembaga Pengarah SJPP perlu mengambil langkah yang proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak yang terlibat perlu memberi pertimbangan terhadap syor berikut:

- i. memanfaatkan lebihan dana daripada syarikat bagi menampung keperluan tuntutan skim jaminan pada masa akan datang;
- ii. memastikan semakan dan pengesahan yuran jaminan yang teliti bagi mengelakkan risiko berlaku kesilapan yang boleh menyebabkan salah nyata pelaporan kedudukan kewangan SJPP; dan
- iii. menambah baik tadbir urus korporat berkaitan kadar pembayaran eluan mesyuarat Lembaga Pengarah dan penglibatan Lembaga Pengarah dalam perancangan strategik SJPP.